



# **SIARAN MEDIA**

## **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**



KBS : 1/2025

### **DANA BANTUAN (PEMBANGUNAN BELIA DAN RAKAN MUDA) TERUS MEMPERKASA INISIATIF BELIA**

---

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus komited dalam memperkasa pembangunan belia serta menyemarakkan gaya hidup aktif melalui penyediaan peruntukan dana bantuan bagi pembangunan belia dan pelaksanaan program di bawah inisiatif Rakan Muda.
2. Selaras dengan Dasar Belia Malaysia dan Model Pembangunan Belia Madani 2030, Kerajaan menerusi Belanjawan 2025 telah memberikan sokongan kepada KBS bagi pelaksanaan program Rakan Muda dalam memperkasakan golongan belia serta menyokong program-program pembangunan yang inovatif dan berimpak tinggi.
3. Bagi menggalakkan lagi pelaksanaan program pembangunan belia, KBS telah memperuntukkan dana berjumlah RM2.5 juta melalui Dana Bantuan (Pembangunan Belia dan Rakan Muda). Dana bantuan ini diwujudkan sebagai sebahagian daripada komitmen KBS untuk membangunkan potensi belia serta menggalakkan penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada komuniti.
4. Ia turut memberi manfaat kepada Kelab/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Belia termasuk Kelab Rakan Muda (KRM), Sekretariat Rakan Muda Institusi Pengajian Tinggi (SRM IPT) dan Badan Operasi Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (BO ARPRM) untuk merancang program yang inovatif dan berimpak tinggi.
5. Penyaluran dana bantuan dilaksanakan secara terus kepada pemohon selepas kelulusan oleh Jawatankuasa dan laporan keseluruhan pelaksanaan program perlu dikemukakan kepada KBS dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program dilaksanakan.

6. KBS menyeru semua pihak untuk mengambil peluang ini bagi menyokong usaha Kerajaan ke arah pemerkasaan pembangunan belia serta memperkukuhkan hubungan antara generasi muda dan masyarakat keseluruhannya.
7. Butiran lanjut mengenai Dana Bantuan (Pembangunan Belia dan Rakan Muda) adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Orang ramai boleh melayari laman web KBS (<https://www.kbs.gov.my/home>) bagi memohon dana ini secara dalam talian atau mendapatkan maklumat lanjut.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**27 JANUARI 2025**

## PERMOHONAN DANA BANTUAN (PEMBANGUNAN BELIA DAN RAKAN MUDA)

BIL	PERMOHONAN	PEMOHON	TAKWIM PERMOHONAN			MAKLUMAT PERHUBUNGAN
			TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)	
1.	Dana Bantuan (Pembangunan Belia dan Rakan Muda) KBS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY)</li> <li>Sekretariat Rakan Muda Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diperaku oleh Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan berdaftar dengan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)</li> </ul>	Jan – Mac	31 Januari 2025	28 Feb 2025	<p><b>Laman Web:</b>  <a href="https://www.kbs.gov.my/home-bantuan.html">https://www.kbs.gov.my/home-bantuan.html</a></p> <p><b>Urus Setia Dana Bantuan (Pembangunan Belia)</b>  <b>No. Telefon:</b>                      03-8871 3720/ 03-8871 3287</p> <p><b>E-mel:</b>  <a href="mailto:unitbantuanjbsn@kbs.gov.my">unitbantuanjbsn@kbs.gov.my</a></p>
Apr –Jun	17 Februari 2025	15 April 2025				
Jul – Sep	30 Mei 2025	30 Jun 2025				
Okt – Dis	29 Ogos 2025	30 September 2025				
*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa						